

**NOTA PERBINCANGAN
MESYUARAT
KUMPULAN WANG COVID-19 (KWC-19): CADANGAN PEMINDAHAN
PERUNTUKAN DARI PROGRAM PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEPADA
PROGRAM KEMAHIRAN IOT
7 September 2022 (Rabu) | Bilik Mesyuarat WIEF, Aras 22, Menara MITI**

Senarai Kehadiran:

Wakil BPS

1. Puan Wan Noraini Wan Mansor - Pengarah Polisi & Strategi I - Pengerusi
2. Encik Ezral Uzaimi - Pengarah Polisi & Strategi II
3. Encik Mohamad Fitri Asreen Mohd Asri - Pegawai Eksekutif MySTEP
4. Cik Nur Syazwani Ab Rahim - Pegawai Eksekutif MySTEP - Pencatat Nota

Wakil MPC

1. Encik Asmawadi Mohamed - Pengurus Kanan, Pembangunan Produktiviti dan Daya Saing
2. Encik Mohd. Khairul Nazir Nawawi - Pengurus Kanan, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan

Perkara-Perkara yang Dibincangkan:

1. Perincian Program Kemahiran IoT dan Pembangunan Kemahiran

- 1.1 Kerajaan Malaysia telah menyuntik dana khas di bawah KWC-19 kepada MPC melalui MITI sebanyak **RM10 juta** dan MPC telah melancarkan dua (2) program iaitu **Kemahiran IoT dan Peningkatan Kemahiran**.
- 1.2 Peruntukan di bawah Program Kemahiran IoT adalah sebanyak **RM6,728,000 (Sasaran KPI 3,364 syarikat)** dan peruntukan di bawah Program Peningkatan Kemahiran adalah sebanyak **RM3,272,000 (Sasaran KPI 490 graduan)**. Tarikh akhir pelaksanaan kedua-dua program adalah pada **bulan Disember 2022**.
- 1.3 **Objektif program** adalah seperti berikut:
 - (i) Untuk membantu syarikat tempatan menerima guna teknologi digital bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing;
 - (ii) Untuk melahirkan tenaga kerja yang kompeten dengan menguasai bidang teknologi dan digital yang berteraskan kepada revolusi perindustrian 4.0; dan
 - (iii) Untuk menyediakan tenaga kerja yang dapat memenuhi keperluan semasa pihak industri.

- 1.4 Sehingga **31 Ogos 2022**, sebanyak 90.5% (RM6,088,778.80) telah dibelanjakan bagi Program Kemahiran IoT dengan pencapaian sasaran sebanyak 103% (3,473 syarikat). Di bawah Program Pembangunan Kemahiran pula, sebanyak 47% (RM1,524,042.00) telah dibelanjakan dengan pencapaian sasaran sebanyak 24% (116 graduan).

2. Cadangan MPC

- 2.1 Unit Pembangunan, Bahagian Kewangan, MITI telah bersetuju dengan cadangan MPC agar baki peruntukan sebanyak **RM1,747,958 yang diperuntukan untuk Program Pembangunan Kemahiran dipindahkan ke Program Kemahiran IoT**. Pemindahan peruntukan ini hanya melibatkan pemindahan secara dalaman MITI sahaja.
- 2.2 Dengan pertambahan peruntukan ini, **Sasaran KPI baharu** bagi **Program Kemahiran IoT** adalah sebanyak 4,580 syarikat dengan jumlah peruntukan baharu sebanyak RM8,475,958.00.
- 2.3 Manakala **Sasaran KPI baharu untuk Program Pembangunan Kemahiran** pula adalah sebanyak 130 orang graduan.
- 2.4 Semua perubahan dilaporkan kepada pihak Bahagian Kewangan, MITI untuk dikemaskini dalam **Mesyuarat Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK) MITI**.
- 2.5 Unit Pembangunan, Bahagian Kewangan, MITI telah meminta MPC untuk **memaklumkan kepada BPS selaku *custodian* agensi dan mendapatkan persetujuan mengenai cadangan yang dikemukakan**.

3. Keputusan BPS

- 3.1 BPS **bersetuju** dengan cadangan yang dibentangkan oleh MPC.
- 3.2 BPS selaku *custodian* MPC meminta agar segala urusan MPC dengan pihak MITI hendaklah **melalui BPS atau memaklumkan BPS terlebih dahulu**.

Disediakan oleh:

Bahagian Perancangan Strategik, MITI